

25 DEC 2001

RAPATKAN HUBUNGAN MELALUI HARI KEBESARAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perayaan hari kebesaran sesuatu agama yang turut diraikan kaum lain dapat merapatkan hubungan antara rakyat dan membawa keamanan negara.

Katanya hari-hari kebesaran yang disambut di negara ini telah menjadi budaya Malaysia.

"Dengan cara ini kita dapat memahami agama masing-masing dan berjaya merapatkan hubungan dan menentukan keamanan negara kita.

"Di Malaysia kita melawat antara satu sama lain ketika perayaan," kata Perdana Menteri selepas menghadiri rumah terbuka Krismas di kediaman paderi besar Roman Katolik Rev. Anthony Fernandez di Jalan Bukit Nenas di sini hari ini.

Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali turut hadir.

Dr Mahathir berkata semasa majlis berbuka puasa yang beliau adakan pada bulan Ramadan lepas, penganut agama lain turut menghadirkan diri.

-- BERNAMA .

RZS NZ RON